

05 MAR 1998

Mahathir-China

MALAYSIA SEDIA JADI TEMPAT RUNDINGAN CHINA-TAIWAN

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Malaysia hari ini menyatakan kesediaannya untuk menjadi tempat bagi rundingan China-Taiwan dengan syarat ada permintaan dari Beijing dan Taipei.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagaimanapun menjelaskan bahawa Kuala Lumpur bukan membuat tawaran.

"Kita perlu memikirkan daripada segi (memberi) perkhidmatan kerana dasar kita ialah untuk cuba memudahkan dialog dan penyelesaian masalah di rantau ini," kata beliau kepada pemberita selepas membuka Persidangan Kayu-kayan Antarabangsa 1998 di sini.

Perdana Menteri telah diminta mengulas lebih lanjut kenyataannya dalam satu temuramah dengan akhbar Taipei semalam bahawa kerajaan Malaysia bersedia untuk menjadi tempat bagi Taiwan dan China berunding.

Akhbar berbahasa China "Commercial Times" itu menyebut Dr Mahathir sebagai berkata bahawa Malaysia "bersedia mengadakan kemudahan asas bagi kedua-dua pihak itu membincangkan isu penyatuan mereka."

Laporan itu juga menyebut Dr Mahathir sebagai berkata bahawa Kuala Lumpur sentiasa berpegang kepada dasar "satu China."

Malaysia hanya mengiktiraf China sahaja dan bukan Taiwan.

Dalam temuramah itu juga, Perdana Menteri menyatakan bahawa kerajaan Malaysia berharap Taiwan dan China boleh mencapai perdamaian dengan seberapa segera kerana ini akan memberi manfaat kepada negara-negara yang sudah sekian lama bermusuh itu di samping negara lain di Asia.

Ketika ditanya hari ini sama ada beliau telah bercakap dengan pihak China dan Taiwan tentang kesediaan Malaysia menjadi tempat rundingan itu, Dr Mahathir berkata beliau tidak berbuat demikian.

Beliau berkata kenyataannya mengenai rundingan yang dicadangkan itu adalah sebagai menjawab soalan yang dikemukakan oleh akhbar (Commercial Times).

China dan Taiwan telah mengadakan rundingan separuh rasmi yang selama dua tahun pada awal 1990-an, tetapi Beijing, yang menganggap Taiwan sebagai wilayah pemberontak yang mesti disatukan kembali dengan tanah besar, menggantung rundingan itu pada pertengahan 1995 selepas lawatan Presiden Taiwan Lee Teng-hui ke Amerika Syarikat.

Apabila ditanya oleh seorang wartawan TV Taiwan mengenai pertemuannya dengan Naib Presiden Taiwan Lien Chan lewat hari ini, Dr Mahathir berkata mereka akan berbincang mengenai perdagangan antara Malaysia dan Taiwan.

Lien Chan tiba di sini semalam untuk lawatan peribadi selama empat hari.

Dr Mahathir berkata kedua-dua negara boleh meluaskan lagi kerjasama dalam bidang perdagangan, pelaburan dan pemindahan teknologi.

Apabila ditanya sama ada Taiwan patut memainkan peranan yang lebih besar di Asia Tenggara, Dr Mahathir berkata Taiwan mempunyai kedudukan yang baik untuk membantu pertumbuhan negara di rantau ini yang sedang dilanda masalah kewangan dan ekonomi.

"Mereka (Taiwan) mempunyai kemahiran, mereka mempunyai modal, mereka mempunyai kepakaran," katanya. -- BERNAMA

ES NMO